

09/10/2003

Sasar kutip RM10j bantu keluarga tentera

KUALA LUMPUR: Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan Negara (TAPPN) menetapkan sasaran dana RM10 juta sebagai bantuan kebajikan kepada anggota dan keluarga pasukan keselamatan yang terbunuh atau mendapat kecederaan kekal ketika bertugas.

Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd Shafie Apdal, berkata ketika ini TAPPN berjaya mengumpul sejumlah RM7 juta hasil aktiviti dijalankan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) selain derma orang ramai dan syarikat korporat.

Berikutan itu, katanya, satu majlis perasmian logo TAPPN dan penyerahan cek sumbangan warga korporat prihatin akan diadakan di Hotel Marriott Putrajaya pada 14 Oktober ini.

"Majlis itu yang menjadi acara kemuncak kepada kempen yang dijalankan TAPPN sebelum ini dijangka dirasmikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi," katanya pada sidang media di bangunan Amanah Raya Berhad (ARB) di sini semalam.

Hadir sama, Pengerusi ARB, Datuk Sukri Mohamed serta Ketua Pegawai Eksekutifnya, Izham Yusoff.

Shafie yang juga Naib Pengerusi TAPPN berkata, pihaknya juga berusaha memastikan Pengerusi TAPPN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dapat hadir pada majlis berkenaan sebagai menghargai jasa dan sumbangan beliau kepada negara sebelum bersara sebagai Perdana Menteri akhir bulan ini.

Serentak itu, Sekretariat TAPPN turut menganjurkan penjualan meja makan tengah hari pada harga RM30,000 bagi `Meja Emas' diikuti RM15,000 (Meja Perak) dan RM8,000 (Meja Gangsa).

Katanya, tetamu pada majlis itu akan dihiburkan artis terkenal iaitu Tan Sri S M Salim dan Ning Baizura.

"Saya menyeru syarikat korporat menghulurkan sumbangan membeli meja makan berkenaan sebagai menghargai pengorbanan dilakukan anggota keselamatan sepanjang mereka bertugas dan demi menjamin masa depan mereka dan keluarganya," katanya.

Keterangan lanjut majlis itu boleh didapati dengan menghubungi Natrah Abdullah di talian 03-27189812/9818, 019-2719812/019-3992992 (telefon bimbit), 03-27189819 (faks) atau e-mel iaitu natrah@kub.com dan natrah@hotmail.com.